

Kemaskini sehingga 17 Oktober 2024

**SOALAN LAZIM  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024**

SSPA BIL 1/2024

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
<b>I. Penetapan Kelayakan Masuk Minimum Dalam Perkhidmatan Awam</b>		
1.	Mengapakah kelayakan masuk minimum ke perkhidmatan awam ditetapkan di peringkat SPM?	Penetapan kelayakan masuk minimum perkhidmatan awam di peringkat SPM dilaksanakan seiring dengan perubahan dasar pendidikan negara yang memansuhkan PT3/PMR serta jaminan Kerajaan terhadap akses pendidikan ke peringkat menengah atas iaitu SPM.
2.	Adakah semua penyandang bagi skim perkhidmatan Bentara Parlimen, Pembantu Operasi, Penghantar Notis, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah, Pembantu Awam, Operator Loji yang memiliki SPM/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am?	Ya. Penyandang yang memiliki SPM/SVM ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am Gred H1. Walau bagaimanapun, hanya SPM/SVM yang memenuhi kriteria sebagaimana dinyatakan pada Lampiran B10, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 sahaja akan diambil kira.
3.	Apakah kriteria yang diambil kira dalam menentukan SPM bagi tujuan pelantikan dalam perkhidmatan awam?	Calon yang memiliki SPM mengikut sistem terbuka adalah tertakluk kepada kriteria sebagaimana Lampiran B10, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1227 1125 2045 1268">i. lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau</li> <li data-bbox="1227 1308 2045 1380">ii. lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di</li> </ul>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan</p> <p>iii. memenuhi syarat Bahasa Melayu, sama ada Kepujian atau Lulus, dan subjek-subjek tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.</p>
4.	<p>Berapakah tempoh perkhidmatan diambil kira untuk ditukar ganti dengan kelayakan akademik bagi penyandang yang tidak memiliki SPM/SVM bagi urusan tukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am?</p>	<p>Tempoh tukar ganti perkhidmatan bagi penyandang yang tidak memiliki SPM/SVM ialah enam (6) tahun dari tarikh pelantikan. Tempoh perkhidmatan menggantikan kelayakan akademik yang boleh diambil kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap di skim perkhidmatan jawatan semasa yang disandang tidak termasuk mana-mana tempoh yang menghilangkan kekananan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.</p>
5.	<p>Apakah kedudukan penyandang terlibat di bawah skim perkhidmatan yang dinaik taraf dari kelayakan masuk di peringkat PT3/PMR ke peringkat SPM?</p>	<p>Penyandang yang memiliki SPM/SVM atau mempunyai enam (6) tahun perkhidmatan dari tarikh lantik di skim perkhidmatan semasa adalah layak untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, bagi penyandang yang tidak mencukupi enam (6) tahun perkhidmatan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan grad jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga penyandang memenuhi syarat tempoh perkhidmatan tersebut. Tarikh kuat kuasa tukar lantik adalah sehari selepas cukup tempoh enam (6) tahun perkhidmatan.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
6.	Apakah kriteria kelayakan SPM yang memenuhi syarat bagi tujuan pertukaran pelantikan ke Gred 1?	<p>Bagi tujuan pertukaran pelantikan dalam urusan ini di bawah SSPA sahaja, pegawai perlu memiliki Sijil SPM (Terbuka):</p> <p>Tahun 2013 ke atas : Lulus Bahasa Melayu dan Sejarah Tahun 2000 - 2012 : Lulus Bahasa Melayu</p> <p>Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian (Rujuk Lampiran B10, PP1/2024).</p> <p>Kepujian Bahasa Melayu sebagaimana disyaratkan dalam skim perkhidmatan adalah dikecualikan. Ini bermaksud pegawai perlu mendapat sekurang-kurangnya Lulus dalam mata pelajaran berkenaan.</p> <p>Secara kesimpulannya, pegawai perlu memiliki empat (4) mata pelajaran Lulus (termasuk Bahasa Melayu) dan 2 mata pelajaran Kepujian di peringkat SPM bagi tujuan pertukaran pelantikan.</p>
7.	Adakah pegawai yang sedang menunggu tempoh enam (6) tahun perkhidmatan yang disyaratkan pertukaran pelantikan, boleh ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkuat kuasa di Gred 1 sekiranya memiliki kelayakan SPM dalam tempoh tersebut?	<p>Sekiranya dalam tempoh tersebut pegawai memiliki SPM sebagaimana yang disyaratkan, pegawai boleh ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkuat kuasa di bawah SSPA sehari selepas pegawai memiliki kelayakan berkenaan</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		tanpa menunggu genap tempoh enam (6) tahun perkhidmatan yang disyaratkan.
8.	Apakah tugas penyandang setelah ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am?	Tugas penyandang adalah tertakluk kepada deskripsi tugas ( <i>job description</i> ) baharu yang ditetapkan oleh agensi masing-masing dengan mengambil kira kepentingan perkhidmatan.
<b>II. Penyeragaman Dan Penggelaran Semula Gred Jawatan</b>		
9.	Apakah rasional penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan dilaksanakan?	<p>Penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan dilaksanakan untuk menyeragamkan lapisan gred bagi mengurangkan isu birokrasi dalam penyampaian perkhidmatan dalam perkhidmatan awam.</p> <p>Inisiatif ini juga mampu merencanakan perkhidmatan awam yang lebih responsif dengan elemen-elemen seperti peluasan skop fungsi tugas, <i>job enrichment (multi-tasking dan multi-skilling)</i> dan menepati prinsip kadar untuk upah (<i>rate for the job</i>).</p>
10.	Apakah panduan rujukan penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan yang baharu bagi Pengurus Sumber Manusia (PSM) dan penyandang sedia ada?	Bagi tujuan panduan pelaksanaan penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan yang baharu di bawah SSPA, semua PSM dan penyandang sedia ada boleh merujuk kepada Jadual 3 dan Lampiran B1, B2, B3 dan B4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
11.	Bagaimanakah dengan struktur organisasi dan perjawatan sedia ada susulan pelaksanaan inisiatif penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan ini?	Struktur organisasi dan perjawatan sedia ada akan terkesan dengan inisiatif ini dan urusan ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pertimbangan sewajarnya mengikut kes.
<b>III. Penjumudan Skim Perkhidmatan</b>		
12.	<b>Mengapa skim-skim perkhidmatan dijumudkan?</b>	Dalam usaha Kerajaan untuk mengoptimumkan perkhidmatan awam, semua skim perkhidmatan sedia ada dikaji seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan perkhidmatan awam. Skop fungsi tugas skim perkhidmatan yang dijumudkan akan dialih daya atau diambil alih oleh skim perkhidmatan lain yang bersesuaian di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkenaan. Pelaksanaan penjumudan ini akan dapat memberikan laluan kemajuan kerjaya yang lebih baik dan mobiliti yang lebih luas kepada penyandang.
13.	Apakah kesan penjumudan skim perkhidmatan kepada perkhidmatan penyandang?	Penyandang di bawah skim perkhidmatan yang dijumudkan akan ditawarkan opsyen SSPA ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa. Sekiranya pegawai menolak opsyen, pegawai akan kekal di skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga pegawai bersara atau meninggalkan perkhidmatan.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
14.	Bagaimanakah urusan pertukaran pelantikan penyandang sedia ada yang berada dalam skim perkhidmatan yang dijumudkan?	Pihak PSM Kementerian/Jabatan/Agensi perlu merujuk Lampiran B7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.
15.	Adakah skop fungsi tugas skim perkhidmatan yang dijumudkan berubah selepas ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkuat kuasa?	Skop fungsi tugas masih dikekalkan. Ketua Jabatan perlu mengemas kini deskripsi tugas ( <i>job description</i> ) sedia ada dengan mengambil kira kepentingan perkhidmatan.
16.	Adakah penyandang di bawah skim-skim perkhidmatan yang dijumudkan diberi pilihan untuk memilih mana-mana skim perkhidmatan yang diinginkan oleh penyandang?	Tidak. Penyandang akan ditukar lantik hanya kepada skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagaimana di Jadual 5, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.
<b>IV. Pindaan Syarat Lantikan</b>		
17.	Apakah skim perkhidmatan yang terlibat dengan pindaan syarat lantikan?	<p>Terdapat sebanyak 15 skim perkhidmatan terlibat dengan pindaan syarat lantikan yang boleh dirujuk melalui teks skim perkhidmatan di Lampiran B11, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>. Guru Bahasa Gred DG9;</li> <li>. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG5 dan DG9;</li> <li>. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH5 dan DH9;</li> <li>. Pegawai Pertanian Gred G9;</li> <li>. Penolong Pegawai Pertanian Gred G5;</li> </ul>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>. Penolong Pegawai Perikanan Gred G5;</li> <li>. Pembantu Syariah Gred LS1;</li> <li>. Pegawai Psikologi Gred S9;</li> <li>. Penolong Pegawai Psikologi Gred S5;</li> <li>. Pegawai Pergigian Gred UG9, UG10, UG12, UG13, UG14 dan Pakar UG15;</li> <li>. Pegawai Farmasi Gred UF9, UF10, UF12, UF13 dan UF14;</li> <li>. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1;</li> <li>. Penguasa Kastam Gred WK9;</li> <li>. Penolong Penguasa Kastam Gred WK5; dan</li> <li>. Pembantu Penguasa Kastam Gred WK1.</li> </ul>
18.	Apakah penambahbaikan perbekalan teks skim perkhidmatan dalam SSPA?	<p>Perbekalan teks skim perkhidmatan dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu perbekalan umum dan perbekalan khusus. Perbekalan umum menyenaraikan maklumat umum bagi semua skim perkhidmatan. Perbekalan khusus menyenaraikan maklumat terperinci berkenaan skim perkhidmatan tersebut. Kedua-dua perbekalan ini perlu dibaca bersekali untuk mengelakkan berlakunya salah lantik ke perkhidmatan awam.</p> <p>Di samping itu, perbekalan lantikan terus telah ditambah sebagai salah satu perbekalan khusus bagi skim perkhidmatan yang terlibat.</p>
19.	Bagaimanakah tatacara untuk menyemak nilai taraf kelayakan akademik bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam?	Kelayakan akademik yang diiktiraf atau kelayakan akademik yang diiktiraf setaraf adalah pengiktirafan nilai taraf sesuatu kelayakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>(MQA) dan merupakan salah satu syarat utama untuk pelantikan dalam perkhidmatan awam.</p> <p>Semakan nilai taraf sesuatu kelayakan akademik sebelum 31 Disember 2016 boleh dibuat melalui laman sesawang Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) di pautan <a href="http://www2.mqa.gov.my/esisraf">http://www2.mqa.gov.my/esisraf</a> manakala semakan nilai taraf sesuatu kelayakan akademik mulai 1 Januari 2017 boleh dibuat melalui laman sesawang Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) di pautan <a href="https://www2.mqa.gov.my/mqr/">https://www2.mqa.gov.my/mqr/</a>.</p>
<p><b>V. Peluasan Kelayakan Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Dalam Perkhidmatan Awam</b></p>		
20.	<p>Mengapakah kelayakan TVET diperluaskan di dalam Perkhidmatan Awam?</p>	<p>Kerajaan dari tahun ke tahun terus mempergiatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam negara untuk menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri bagi mendepani Revolusi Industri 4.0. Inisiatif ini juga adalah selaras Tema 3, Pemangkin Dasar 1, Kajian Separuh Penggal RMKe-12 iaitu Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan.</p> <p>Menerusi SSPA, JPA menyediakan ruang dan peluang kepada graduan berkelayakan TVET untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dengan memperluaskan kelayakan TVET dalam syarat lantikan di Gred 1 dan Gred 5 melibatkan kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM)</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).
21.	Adakah semua calon dengan kelayakan SVM dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) boleh dilantik ke dalam perkhidmatan awam?	<p>Tidak. Penetapan kelayakan TVET dalam syarat lantikan ke perkhidmatan awam adalah bergantung kepada kesesuaian bidang kemahiran tertentu di dalam skop fungsi dan huraian tugas sesuatu skim perkhidmatan di samping mendapat persetujuan daripada Ketua Perkhidmatan berkaitan. Oleh itu, pelantikan ke dalam perkhidmatan awam perlu mengikut bidang tertentu yang ditetapkan.</p> <p>Sebagai contoh, peruntukan SVM dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan diletakkan sebagai syarat lantikan ke skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB1 kerana bidang tersebut adalah bersesuaian dengan skim perkhidmatan berkenaan berbanding skim perkhidmatan Pembantu Perikanan Gred G1 yang menetapkan syarat SVM dalam bidang pertanian.</p>
22.	Apakah skim perkhidmatan yang terlibat di dalam peluasan kelayakan TVET di bawah SSPA?	Senarai skim perkhidmatan yang diperuntukkan kelayakan SVM dan DKM/DLKM adalah seperti Lampiran B5 dan Lampiran B6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
<b>VI. Penetapan Semula Ketua Perkhidmatan</b>		
23.	Apakah tujuan penetapan semula Ketua Perkhidmatan?	Penetapan semula Ketua Perkhidmatan adalah salah satu langkah Kerajaan untuk menambah baik peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai melalui pelaksanaan peranan yang lebih efektif dalam mengurus perkhidmatan pegawai khususnya bagi melengkapkan pengetahuan serta kemahiran pegawai dengan kepelbagaian dan keperluan perkhidmatan.
24.	Apakah punca kuasa bagi penetapan Ketua Perkhidmatan?	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) boleh menentukan Ketua Perkhidmatan bagi sesuatu skim perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan 4, P.U. (A)1/2012.
25.	Adakah penetapan Ketua Perkhidmatan ini terpakai untuk semua skim perkhidmatan?	Ya. Penetapan Ketua Perkhidmatan ini adalah terpakai bagi 199 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA.
26.	Adakah penetapan Ketua Perkhidmatan ini terpakai untuk semua peringkat perkhidmatan awam?	Penetapan semula Ketua Perkhidmatan adalah bagi skim perkhidmatan yang terdapat di peringkat Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) sahaja. Walau bagaimanapun, ianya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		Tempatan dan boleh digunakan sebagai panduan dalam menetapkan Ketua Perkhidmatan masing-masing.
27.	Adakah sesuatu skim perkhidmatan boleh mempunyai lebih daripada satu (1) Ketua Perkhidmatan?	Ya. Sesuatu skim perkhidmatan boleh mempunyai lebih daripada satu (1) Ketua Perkhidmatan berdasarkan kepelbagaian dan pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu. Keadaan ini berlaku apabila skim perkhidmatan tersebut melibatkan kemahiran teknikal yang khusus atau kepakaran khusus bagi satu-satu kementerian.
28.	Apakah terdapat kaedah sekiranya penetapan Ketua Perkhidmatan ini tidak dipersetujui?	<p>Penetapan semula Ketua Perkhidmatan ini telah dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan/cadangan/maklum balas berdasarkan libat urus yang telah diadakan dan melalui portal cadangan SSPA. Walau apa-apa pun ketetapan dalam Pekeliling SSPA, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh menentukan Ketua Perkhidmatan bagi mana-mana skim perkhidmatan atau mana-mana pegawai sebagaimana peruntukan P.U. (A) 1/2012.</p> <p>Sebarang pertanyaan berkaitan Ketua Perkhidmatan boleh dikemukakan kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
29.	Adakah penetapan Ketua Perkhidmatan ini adalah muktamad? Adakah tawaran opsyen akan diberikan kepada penyandang sekiranya tidak bersetuju dengan penetapan Ketua Perkhidmatan baharu?	Ya. Penetapan Ketua Perkhidmatan ini adalah muktamad dan terpakai untuk skim perkhidmatan yang terdapat di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP). Tiada opsyen lain akan diberikan kepada pegawai yang tidak bersetuju dengan Ketua Perkhidmatan yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.
30.	Sejauh manakah autoriti Ketua Perkhidmatan bagi sesuatu skim perkhidmatan dalam menetapkan sesuatu perubahan dan ketetapan baharu bagi memantapkan sesuatu skim perkhidmatan? Sebagai contoh, penetapan sesuatu kriteria bagi urusan kenaikan pangkat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. sebarang urusan bagi pelaksanaan peranan Ketua Perkhidmatan adalah tertakluk kepada dasar semasa Kerajaan;</li> <li>ii. bagi sebarang urusan berkaitan kenaikan pangkat atau urusan perkhidmatan lain, Ketua Perkhidmatan boleh merujuk kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA; dan</li> <li>iii. bagi urusan-urusan lain berkaitan peranan Ketua Perkhidmatan, boleh merujuk Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA dan Bahagian Modal Insan, JPA mengikut mana yang berkaitan.</li> </ul>
31.	Adakah tempoh pemangkuan akan terjejas sekiranya Ketua Perkhidmatan berubah?	Pegawai boleh meneruskan pemangkuan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA tertakluk kelulusan daripada pihak berkuasa kenaikan pangkat yang berkenaan. Walau bagaimanapun, sebarang urusan berkaitan pemangkuan atau kenaikan pangkat

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		secara <i>time-based</i> boleh merujuk kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA.
32.	Sekiranya terdapat keperluan perubahan pada Ketua Perkhidmatan atas arahan Kerajaan, apakah tindakan yang perlu dilaksanakan?	Sebarang urusan yang melibatkan pertukaran Ketua Perkhidmatan atas arahan Kerajaan boleh dirujuk semula kepada Bahagian Perjawatan dan Organisasi, JPA
33.	Sekiranya terdapat kekosongan jawatan Ketua Perkhidmatan secara hakiki/operasi, siapakah yang boleh melaksanakan peranan sebagai Ketua Perkhidmatan?	Pegawai yang diwakilkan kuasa untuk melaksanakan tugas/menanggung tugas Ketua Perkhidmatan dalam keadaan berlaku kekosongan jawatan Ketua Perkhidmatan secara hakiki atau operasi boleh melaksanakan peranan sebagai Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan berkaitan.
34.	Saya tidak menerima opsyen semasa pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010. Adakah saya perlu menerima ketetapan Ketua Perkhidmatan melalui SSPA ini memandangkan Ketua Perkhidmatan tersebut adalah sama seperti yang telah dicadangkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada tawaran opsyen kepada penyandang bagi penetapan Ketua Perkhidmatan;</li> <li>ii. Penetapan Ketua Perkhidmatan adalah berdasarkan 199 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA; dan</li> <li>iii. Penetapan Ketua Perkhidmatan adalah terpakai walaupun seseorang pegawai itu menolak opsyen SSPA.</li> </ul>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>PENJELASAN</b>
35.	Adakah pegawai yang terlibat dengan skim perkhidmatan yang dinaik taraf/digabung/dijumudkan perlu membuat opsyen Ketua Perkhidmatan?	Tidak perlu. Penetapan Ketua Perkhidmatan telah dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.
36.	Adakah semua pegawai perlu membuat opsyen bagi Ketua Perkhidmatan walaupun tidak terlibat dengan skim perkhidmatan yang ditambah baik?	Tidak perlu. Penetapan Ketua Perkhidmatan adalah secara automatik.
37.	Adakah permohonan bagi penetapan Ketua Perkhidmatan yang telah dikemukakan kepada JPA sebelum ini (yang masih belum mendapat Keputusan) akan terbatal dengan pelaksanaan SSPA?	Permohonan melibatkan skim perkhidmatan yang ditambah baik akan terbatal dan penetapan Ketua Perkhidmatan adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 manakala bagi skim perkhidmatan yang tidak terlibat dengan penambahbaikan, permohonan tersebut tidak akan terbatal.